

BAB 2

EMPAYAR MELAKA

Pendahuluan

Kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka adalah selari dengan kenaikan Tun Perak sebagai Bendahara ‘Paduka Raja’. Tun Perak mempunyai sifat-sifat yang unggul, berwibawa, mempunyai visi yang jauh ke hadapan, mampu menaikkan imej kerajaan, berkebolehan dan bertanggungjawab, dihormati dan memiliki ciri-ciri negarawan, berdiplomasi, dedikasi dan mempunyai keupayaan yang tinggi sebagai pemimpin. Kehadiran Tun Perak sebagai penasihat yang utama telah mengembangkan, memajukan dan memperteguhkan kerajaan Melaka daripada aspek politik, ekonomi dan sosial sehingga berjaya menjadi sebuah empayar pada abad yang ke-15 M.

Kesultanan Melayu Melaka berjaya memerintah selama lebih kurang seratus sebelas tahun. Keunggulan Kerajaan Melayu Melaka hanya bermula dari sebuah perkampungan kecil di muara Sungai Melaka. Kemudian ia telah berkembang menjadi sebuah kuasa tempatan di pinggiran timur Selat Melaka, lalu akhirnya menyinar sebagai sebuah empayar dan penguasa unggul serantau.

Kesultanan Melayu Melaka, telah mewarisi kegemilangan Zaman Srivijaya yang telah berjaya mewujudkan satu bentuk pemerintahan beraja serta gaya hidup yang turut menjadi contoh kepada kerajaan-kerajaan Melayu kemudiannya. Politik, perdagangan dan agama adalah merupakan tiga faktor

utama yang biasanya merubah sejarah dunia telah ditangani dengan jayanya oleh Melaka sehingga berjaya muncul sebagai sebuah empayar Melayu yang unggul di Kepulauan Melayu. Justeru itu, Melaka dianggap sebagai pencetus, perangsang dan sumber inspirasi kepada kerajaan Melayu yang lain.

Peringkat Awal Kesultanan Melaka

Sejarah Melayu ada menyatakan:

Maka Sultan Iskandar Syah berdiri di bawah sepohon kayu, maka baginda pun berburu, maka anjing diterajangkan oleh pelanduk putih. Maka titah Sultan Iskandar Syah, baik tempat ini, sedang pelanduknya lagi gagah: baik kita perbuatkan negeri. Maka sembah orang besar-besar, Benarlah, tuanku, seperti titah Duli Yang Dipertuan itu. Maka disuruh baginda perbuatlah negeri pada tempat itu. Maka titah Sultan Iskandar Syah, Apa nama kayu tempat kita berdiri ini? Maka sembah orang sekalian, Melaka namanya kayu ini. Maka titah Sultan Iskandar Syah, Jika demikian, Melakalah nama negeri ini.¹

Petikan di atas adalah menggambarkan kepada kita bahawa asal-usul nama Melaka itu sendiri adalah unik. Kejadian pelanduk putih menendang anjing perburuan Sultan Iskandar Syah itu adalah menandakan petanda yang baik,


¹ Cheah Boon Kheng, (susunan) 1998. Abdul Rahman Haji Ismail merumikkan dalam ‘*Sejarah Melayu*’ MS. Raffles No.18, MBRAS, Kuala Lumpur, hlm. 120.

bahawa tempat itu adalah gagah. Seterusnya nama Melaka telah diberikan oleh Sultan Iskandar Syah sempena nama sebatang pohon yang dijadikan tempat teduhan oleh baginda.

Sultan Iskandar Syah telah memilih Melaka untuk dijadikan sebagai sebuah negeri, bukanlah hanya semata-mata petanda yang baik daripada kejadian pelanduk putih itu sahaja, tetapi juga berdasarkan kepada kedudukan Melaka yang strategik, iaitu merupakan laluan perkapalan dari India dan China. Pelabuhan Melaka yang terlindung jauh daripada paya bakau dan mempunyai jalan masuk ke pelabuhan yang cukup dalam bagi sesebuah kapal dan tongkang yang besar berlabuh juga merupakan faktor mengapa Melaka dipilih. Kedudukannya adalah amat sesuai dengan tiupan angin monsun.

Melalui Sungai Melaka, penduduk dari kawasan pedalaman boleh membawa turun hasil hutan dan menghubungi jalan lintas melalui Sungai Muar dan Pahang di pedalaman. Jalan ini membawa mereka ke hulu Pahang yang terkenal dengan lombong emasnya. Iklim Melaka yang sederhana dan air tawar yang mudah diperolehi, serta kedudukan geografi yang strategik untuk pertahanan adalah antara faktor pemilihan ke atas Melaka. Walaupun Muar lebih sesuai sebagai tempat dagangan, tetapi tempat itu mudah diserang oleh pihak musuh. Sebaliknya Melaka mempunyai sebuah bukit yang strategik berhampiran dengan sungainya. Sebagai langkah yang awal, Sultan Iskandar Syah telah menetap di Bertam. Sekiranya diserang oleh pihak musuh, baginda boleh berundur ke kawasan pedalaman dengan mudah.

Peta 2.1 : Menunjukkan Salah sebuah daripada peta-peta lama Melaka menurut gambaran ahli pelayaran Portugis pada zaman dahulu. Perhatikan bahawa Melaka seolah-olah dianggap sebagai sebuah pulau.



Sumber: Dipetik daripada Jayaudin Jamaudin, 1991. *Sejarah Islam*, Kuala Lumpur: Elman, hlm. 282.

Untuk memastikan Kerajaan Melayu Melaka terus kukuh dan kuat, Sultan Iskandar Syah telah menghantar utusan ke China pada tahun 1405 untuk mendapatkan perlindungan daripada ancaman Siam. Utusan ini dihantar selepas lawatan Yin Ching pada tahun 1403. Peluang ini diambil oleh Sultan Iskandar Syah, apabila Maharaja Ming mahu memulihkan kembali kuasanya ke atas negara-negara di Asia Tenggara.² Pada tahun 1409 Laksamana Cheng Ho telah menghadiahkan sebuah topi dan jubah rasmi serta mengisyiharkan baginda sebagai raja.³

Zaman pengukuhan bagi Melaka ialah pada tahun 1435. Kesultanan yang mula tumbuh di Melaka adalah perlu dikenali, bukan sebagai negeri yang rajanya ‘memberontak lalu lari dari Palembang’ atau ‘raja yang membunuh lalu lari dari Singapura’, tetapi sebagai pewaris empayar Melayu Srivijaya. Beberapa institusi perlu diwujudkan, yang sudah ada perlu diperteguhkan dan diperkenalkan sebagai simbol-simbol pegangan diraja kerajaan yang baru.⁴

Antaranya ialah, dikatakan salasilah raja yang perlu menceritakan raja-raja yang baik terutama daripada aspek kesaktian raja untuk memberikan satu cerita yang menarik dan menjamin satu aura diraja yang mengagumkan. Perjanjian (*Social Contract*) Sri Tri Buana dan Demang Lebar Daun telah mencipta satu ‘politi’ yang saling membendung antara raja dengan rakyat. Penekanan kepada taat setia


² D.G.E. Hall, 1987. *Sejarah Asia Tenggara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 257

³ R.O., Wintedt, 1968. *A History of Malaya*, Kuala Lumpur: Marican dan Sons, hlm. 258.

⁴ Cheah Boon Kheng, (susunan), 1998. Abdul Rahman Haji Ismail merumukkan dalam *Sejarah Melayu* MS. Raffles No.18, MBRAS, Kuala Lumpur, hlm. 120.

amat diperlukan untuk memastikan konsep daulat dan derhaka dipatuhi oleh rakyat.⁵

Gambar 2.1 : Menunjukkan Istana Melaka



Sumber: Dipetik daripada Mahayudin Yahya, 1933. *Sejarah Islam*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti, hlm. 633.

⁵ Untuk lebih jelas lihat, Cheah Boon Kheng, (susunan), 1998. Abdul Rahman Haji Ismail merumikkan dalam *Sejarah Melayu MS. Raffles No.18, MBRAS*, Kuala Lumpur.

Kesultanan Melayu Melaka juga mempunyai alat-alat kebesaran diraja yang tersendiri. Alat-alat kebesaran diraja seperti nobat yang merupakan alat-alat bunyi-bunyian yang khas dalam upacara menabalkan raja dan upacara-upacara yang lain telah dipelihara dengan baik. Bahasa dalam,⁶ adat istiadat dan larangan diciptakan untuk golongan diraja dan aristokrat. Protokol ini sengaja diadakan untuk mempertontonkan kebesaran dan kemuliaan Raja Melaka. Beberapa larangan, seperti memakai warna kuning, memakai jenis-jenis hiasan pada rumah, perahu, senjata, pakaian, dan gaya hidup yang khusus untuk golongan itu diadakan juga.⁷ Segala larangan ini mestilah dipatuhi oleh semua lapisan masyarakat.

Untuk memastikan pentadbiran lebih kukuh dan sistematik segala peraturan dan undang-undang telah ditetapkan, dikumpulkan dan dibukukan untuk memudahkan pihak pemerintah mentadbir negeri. Peraturan dan Undang-undang ini dikumpulkan sebagai *Hukum Kanun Melaka*⁸ dan *Undang-Undang Laut Melaka*.⁹ Di dalam *Hukum Kanun Melaka* terdapat *Hukum Syarak* bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan Agama Islam. Agama Islam adalah agama rasmi Kesultanan Melayu Melaka. Kerajaan ditadbir oleh para menteri dengan

⁶ Asmah Haji Omar, 1985. *Bahasa Di Raja*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka; Yusoff Khan, 1966. *Kenanga Kuning*, Klang: Penerbitan Metro; Sa'ad Shukry, 1960. *Bahasa Berada*, Kuala Lumpur: Federal Publications Ltd.; Syed Alwi Alhadi, 1960. *Adat Resam Melayu dan Adat Istiadat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

⁷ Cheah Boon Kheng, (susunan), 1998. Abdul Rahman Haji Ismail merumikkan dalam *Sejarah Melayu* MS. Raffles No.18, *MBRAS*, Kuala Lumpur, hlm. 122-126.

⁸ Kitab ini dikenal juga sebagai *Undang-undang Darat Melaka*, dan *Risalat Hukum Kanun* di samping 46 naskah salinan dengan nama judul yang berlainan. Lihat Yusof Hashim (1989) hlm. 20.

⁹ Kitab ini dikenal juga sebagai *Adat Pelayaran Melaka*, *Kitab Peraturan Pelayaran* dan *Hukum Undang-undang Laut*. Teks ini diterjemahkan ke Bahasa Inggeris sebagai 'The Maritime Laws of Malacca'. Lihat R.O.Winstedt & Josselin de Jong, 1956. *JMBRAS*, XXIX, iii, hlm. 28-49.

tugasnya masing-masing. Turus pentadbiran ialah Bendahara¹⁰ dan Bendahara yang termasyhur dalam Kesultanan Melayu Melaka ialah Tun Perak dengan gelaran Paduka Raja.

Rajah 2.2: Raja-Raja Terawal Kesultanan Melaka

<i>ing-lo Shih-lu & Hsuan-te Shih-lu</i> 125 — 1430)	Winstedt (1948) (1438)	<i>Wake (1964) [cf. Wilkinson, Rouffaer and pre-war Winstedt]</i>
. Pai-li-mi-su-la 卦里迷蘇刺 (died early 1414 or late 1413)	Parameswara — later Megat Iskandar Syah died 1424)	Sri Parameswara (ca. 1400 — 1414)
. Mu-kan-sa-yu-ti-er-sha 母幹撒子的兒沙 or I-ssu-han-ta-er-sha 亦思罕答兒沙 (died late 1423 or early 1424) (s/o I)		II. Megat Iskandar Syah, Raja Besar Muda (1414 — 1424) (s/o I)
. Hsi-li-ma-ha-la-che 西里馬哈刺者 (died before 1444) (s/o II)	II. Sri Maharaja (died 1444)	III. Sri Mahrajah (?Iskandar Syah) Mohamed Syah, Raja Tengah, Raja Kecil Besar (1424 — 1445) (s/o II)
. Hsi-li-pa-mi-hsi-wa-er-(iu-pa-sha 息力八密息瓦兒委八沙 (mentioned in 1445)	III. Raja Ibrahim, Sri Parameswara Dewa Syah; (murdered ca. 1446) (s/o II)	IV. Sri Parameswara Dewa Syah, Raja Ibrahim (1445 — 1446) (s/o III)
. Su-lu-t'an-wu-ta-fo-na-sha 速魯禮無答佛那沙 (mentioned in 1455)	IV. Raja Kassim, Sultan Muzaffar Syah (d. ca. 1456) (half b/o III).	V. Sultan Muzaffar Syah, Raja Kassim (1446 — 1459) (s/o III)

Sumber: Dipetik daripada Wang Gungwu, 'The First Three Rulers' dalam *JMBRAS*, XLJ,I, 1967, hlm. 140.

¹⁰ *Ibid.*, hlm. 126-128.

Pemerintah Kesultanan Melayu Melaka

Konsep dan Kedudukan Raja di dalam Kerajaan Melayu Melaka adalah sangat penting. Raja Melaka merupakan orang yang sangat penting di dalam Kesultanan Melayu Melaka. Sebagai pemerintah, raja disifatkan sebagai orang yang paling mulia dan mempunyai pelbagai kelebihan. *Sejarah Melayu* telah meletakkan raja di tempat yang penting di sisi Nabi dan raja dianggap sebagai bayangan tuhan di muka bumi ini.

... pada segala hukum bahawa raja-raja yang adil itu dengan Nabi S.A.W. umpama dua buah permata pada sebentuk cincin; lagi pula raja itu zilu'Lalah fil'alam...¹¹

Bagi Kesultanan Melayu Melaka, kedudukan yang paling tinggi ialah raja yang digelar ‘Yang Dipertuan Negeri Melaka’ serta takluk rantaunya. Setelah memeluk agama Islam, Raja Melaka menggunakan gelaran Sultan dan Syah. Sistem pemerintahan beraja secara mutlak telah diamalkan. Kedudukan dan hak Raja Melaka ini tidak boleh diganggu gugat dan dipersoalkan. Kewibawaan ini menurut *Sejarah Melayu* kononnya, telah dijamin oleh satu perjanjian di antara Sri Tri Buana dan Demang Lebar Daun di Palembang. Berikut adalah intipati daripada perjanjian itu:

¹¹ W.G., Shellabear, 1982. *Sejarah Melayu*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, hlm. 190.

Demang Lebar Daun: Tuanku, segala anak cucu patik sedia akan jadi hambalah ke bawah duli Yang dipertuan. Hendaklah ia diperbaiki oleh anak cucu tuan hamba. Jika ia berdosa, sebesar-besarnya dosanya sekalipun, jangan ia difadhihatkan dan nista dengan kata yang jahat-jahat. Jikalau besar dosanya, dibunuh, itupun jikalau patut pada Hukum Syarak.

Sri Tri Buana: Anak cucu bapa jangan derhaka pada anak cucu hamba, jikalau ia zalim dan jahat pekertinya sekalipun.

Demang Lebar Daun: Tetapi jikalau anak cucu tuanku mengubahkan dia, maka anak cucu patik pun mengubahkan dia.

Seri Tri Buana: Baiklah, kabullah hamba akan wa'adat itu.

Maka kedua-duanya pun bersumpah-sumpahlah: Barang siapa mengubahkan perjanjiannya itu di balik Allah S.A.W. bumbungan rumahnya ke bawah, kaki tiang ke atas.¹²

Berasaskan kepada perjanjian inilah timbulnya konsep *daulat* dan *derhaka* serta *tulah* di dalam Kerajaan Melayu Melaka. Konsep daulat adalah merupakan kuasa atau hak tertinggi khusus bagi raja. Derhaka pula adalah mengingkari

¹² Cheah Boon Kheng, (*susunan*), 1998. Abdul Rahman Haji Ismail merumikkan dalam *Sejarah Melayu* MS. Raffles No. 18, MBRAS, Kuala Lumpur, hlm. 86-87.

perintah raja, manakala tulah pula adalah kemalangan yang akan menimpa kerana melanggar larangan diraja. Raja itu adalah simbol negara dan sekiranya rajanya itu gah, maka begitulah negaranya. Sultan mempunyai kuasa yang tertentu dalam mentadbir negeri iaitu Sultan berhak menjatuhkan hukuman bunuh kepada rakyat yang melakukan kesalahan. (Huraian lengkap dalam bab 5).

Sultan boleh melantik sesiapa sahaja untuk menyandang jawatan Bendahara. Contohnya, Sultan Muzaffar Syah mengangkat Tun Ali Seri Nara Diraja sebagai Bendahara kerana Tun Ali telah membantu baginda merampas kerajaan daripada Raja Ibrahim. Kemudian apabila ada krisis antara puak Melayu dan India Muslim, diangkat pula Tun Perak sebagai Bendahara Melaka. Sultan berhak melantik sesiapa sahaja yang layak untuk memegang jawatan di dalam istana. Contohnya Laksamana Hang Tuah telah diangkat menjadi Laksamana Melaka yang kedua.

Di dalam Kesultanan Melayu Melaka, Sultan berkuasa penuh ke atas kerabat diraja, pembesar dan rakyatnya. Sultan berhak menjatuhkan hukuman bunuh kepada sesiapa yang menderhaka atau melakukan kesalahan yang melanggar undang-undang negeri Melaka. Beberapa orang telah dihukum bunuh kerana kononnya telah menderhaka seperti Hang Tuah, Tun Kerutup Seri Bijaya Diraja, Tun Mutahir dan keluarganya. Contohnya ialah apabila Sultan Mansur Syah membunuh beberapa orang pengawal yang tidak melindungi puteranya iaitu Raden Kelang daripada keganasan pengamuk. Sultan berhak melakukan apa sahaja untuk kepentingan dirinya. Bukan itu sahaja, malah Sultan Mansur Syah juga telah memerintahkan pembesar dan rakyat membina istana baru dalam masa

yang singkat. Malah baginda juga berhak melantik penggantinya sendiri dan hanya seorang bendahara yang bijak dapat mempengaruhi keputusan raja tersebut, contohnya seperti Raja Muhammad iaitu bakal raja ‘dibuang’ ke Pahang dan menjadi raja di sana setelah dipengaruhi oleh Bendahara Tun Perak.¹³

Dalam Kesultanan Melayu Melaka terdapat beberapa orang Sultan yang termasyhur pada zaman kegemilangannya. Sultan-sultan yang termasyhur ini adalah dibantu oleh seorang bendahara yang amat bijaksana iaitu Bendahara Paduka Raja Tun Perak. Antaranya ialah Sultan Muzaffar Syah. Sultan Muzaffar Syah (1446-1456) ialah putera tua Sultan Muhammad Syah yang telah diusir dari istana. Sultan Muzaffar Syah adalah satu-satunya pemerintah yang menaiki takhta secara rampasan kuasa.¹⁴ Rampasan kuasa itu telah dibantu oleh Maulana Jalaluddin dan juga Tun Ali. Semasa zaman pemerintahannya juga, baginda terpaksa menyelesaikan masalah kepimpinan jawatan Bendahara. Oleh kerana Bendahara Seri Wak Raja telah meninggal dunia, baginda telah melantik Tun Ali sebagai Bendahara Melaka dengan gelaran Seri Nara Aldiraja.¹⁵

Pada zaman pemerintahan baginda, kejayaan yang paling hebat pernah dicapai dalam peperangan ialah apabila Melaka telah berjaya mengalahkan angkatan tentera Siam walaupun tidak mendapat perlindungan daripada negara China kerana negara China telah menjalankan dasar ‘tutup pintu’. Sewaktu

¹³ Untuk lebih jelas sila lihat, Cheah Boon Kheng, (susunan), 1998. Abdul Rahman Haji Ismail merumikkan dalam *Sejarah Melayu* MS. Raffles No.18, MBRAS, Kuala Lumpur.

¹⁴ *Ibid.*, hlm. 132-134.

¹⁵ Cheah Boon Kheng, (susunan), 1998. Abdul Rahman Haji Ismail merumikkan dalam *Sejarah Melayu* MS. Raffles No.18, MBRAS, Kuala Lumpur, hlm. 131-135.

pemerintahan bagindalah, muncul seorang tokoh yang penting iaitu Tun Perak.¹⁶ Tun Perak adalah orang yang bertanggungjawab telah memimpin angkatan tentera Melaka sehingga mencapai kemenangan.¹⁷

Kebijaksanaan dan kehebatan Tun Perak telah menyebabkan Sultan Muzaffar Syah menjalankan satu lagi strategi politiknya yang bijak dengan memujuk bapa saudaranya iaitu Bendahara Tun Ali supaya turun dari jawatannya, walaupun baginda terpaksa berkorban dengan melepaskan permaisuri Melaka iaitu Tun Kudu untuk diperisterikan oleh Tun Ali. Ini kerana baginda dapat melihat bahawa ketokohan Penghulu Tun Perak amat diperlukan untuk memantapkan kedudukan politik Melaka.¹⁸

Semasa pemerintahan baginda juga dengan dibantu oleh Tun Perak sebagai bendahara, kerajaan Melaka telah berjaya meluaskan jajahan takluknya dengan menakluk Manjung di Perak yang terkenal sebagai pengeluar bijih timah. Selangor pula telah diminta membayar ufti ke Melaka. Dikatakan juga baginda memerangi Kampar dan Inderagiri lalu mengIslamkan mereka. Setelah lama berada di atas takhta, akhirnya Sultan Muzaffar Syah mangkat. Kesultanan Melayu Melaka telah diteruskan oleh anaknya Sultan Mansur Syah.¹⁹


¹⁶ Hall, D.G.E., 1987. *Sejarah Asia Tenggara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, hlm. 259.

¹⁷ *Ibid.*, hlm. 137.

¹⁸ Cheah Boon Kheng, (susunan), 1998. Abdul Rahman Haji Ismail merumikan dalam *Sejarah Melayu MS. Raffles No.18, MBRAS*, Kuala Lumpur, hlm. 138.

¹⁹ Untuk lebih jelas sila lihat, Cheah Boon Kheng, (susunan), 1998. Abdul Rahman Haji Ismail merumikan dalam *Sejarah Melayu MS. Raffles No.18, MBRAS*, Kuala Lumpur.

Carta 2.1 : Menunjukkan Pemerintah Melaka



Sumber : Kajian Lapangan Penulis (2001)

Tun Perak tetap memegang jawatan Bendahara apabila Sultan Mansur Syah menaiki takhta. Apabila kemangkatan Sultan Muzaffar Syah, puteranya Raja Abdullah dengan gelaran Sultan Mansur Syah (1456-1477) menaiki takhta ketika berumur tujuh belas tahun.²⁰ Menurut *Sejarah Melayu*, nama Sultan Mansur Syah masyhur sehingga ke Majapahit, Siam, China, Hindustan dan Arab. Pada zaman baginda, telah berlaku satu perkembangan politik yang sangat penting iaitu Melaka telah berdamai dengan Siam dan menyambung semula hubungan dengan negara China yang telah terputus serta mengadakan hubungan diplomatik dengan Majapahit. Malah kekuasaan ketenteraan Melaka pada zaman ini menjadi paling hebat dan mencapai kemuncaknya. Kejayaan ini adalah kerana Sultan Mansur Syah dibantu oleh Bendahara Tun Perak yang sememangnya bijaksana dan bertanggungjawab dalam mentadbir pengurusan politik Melaka.

Kecekapan Tun Perak dalam mengendalikan polisi meluaskan jajahan takluk, telah menyebabkan kerajaan Melaka semakin luas jajahannya. Perluasan jajahan takluk ini telah berlaku ke atas negeri-negeri di rantau ini seperti Pahang, Kampar dan Siak. Percubaan untuk menakluki Pasai dan Aru adalah gagal kerana kekuatan hulubalangnya semasa di medan perang. Dasar pemerintahan Sultan Mansur Syah dengan dibantu oleh Tun Perak sebagai Bendahara yang paling jelas ialah, setelah berjaya memerangi dan menawan sesebuah negeri, baginda akan mengIslamkan rajanya dan akan diberikan seorang puteri sebagai permaisuri dan dihantar kembali sebagai raja dengan gelaran yang baru. Contohnya di Siak, rajanya yang bernama Maharaja Permaisura telah dibunuh, lalu anaknya Megat

²⁰ *Ibid.*, hlm. 145.

Kudu telah dibawa ke Melaka, diislamkan dan dikahwinkan dengan puteri baginda yang bernama Raja Mahadewi, dan dirajakan di Siak dengan gelaran Sultan Ibrahim. Bagi negeri-negeri yang telah ditawan, Sultan Mansur Syah telah meletakkan para pembesarnya untuk mengawasi sebelum dirajai iaitu Kampar telah ditadbir oleh seorang mandulika dan wakilnya ialah Seri Nara Aldiraja; Pahang ditadbir terus oleh Seri Bija Diraja kerana khuatir akan bahaya ancaman Siam sebelum dirajai oleh Raja Muhammad.²¹

Tun Perak juga menggalakkan Sultan Melaka menjalankan dasar perkahwinan politik. Buktinya perkahwinan dengan tujuan politik juga telah dilakukan oleh Sultan Mansur Syah. Baginda telah berkahwin dengan Puteri Raden Galoh Cendera Kirana dari Majapahit²² serta berkahwin dengan anak-anak pembesar iaitu dengan anak Seri Nara Aldiraja iaitu Tun Putih Nur Pualam. Untuk mengeratkan hubungan dengan negara China baginda telah berkahwin dengan Puteri Hang Li Po.²³

Pelabuhan Melaka menjadi semakin pesat dan dikunjungi oleh pedagang dari segala ceruk rantau. Melaka turut menjadi tempat tumpuan ulama-ulama yang menjalankan kegiatan pengajian Islam secara tidak formal. Keadaan ini membuktikan bahawa, zaman pemerintahan baginda dengan Tun Perak sebagai orang kanan baginda telah membawa Melaka berada di kemuncak kegemilangan


²¹ Untuk lebih jelas sila lihat, Cheah Boon Kheng, (*susunan*), 1998. Abdul Rahman Haji Ismail merumikkan dalam *Sejarah Melayu* MS. Raffles No.18, MBRAS, Kuala Lumpur.

²² Cheah Boon Kheng, (*susunan*), 1998. Abdul Rahman Haji Ismail merumikkan dalam ‘*Sejarah Melayu*’ MS. Raffles No.18, MBRAS, Kuala Lumpur, hlm. 157-158.

²³ *Ibid.*, hlm.169.

dengan menjadi pusat perdagangan yang besar dan sebagai pusat penyebaran Islam di rantau ini.

Gambar Rajah 2.3 : Menunjukkan Nisan Sultan Mansur Syah (1456-1477), Melaka



Sumber: Dipetik daripada *Malaysia Kita*, 1991. Institut Tadbiran Awam, Kuala Lumpur : Nasional Berhad, hlm. 106.

Tun Perak masih menjawat jawatan Bendahara Melaka semasa pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Syah. Sultan Alauddin Riayat Syah (1477-1488) telah diangkat menjadi pemerintah Melaka selepas kematian Sultan Mansur Syah. Baginda adalah anak saudara Bendahara Paduka Raja Tun Perak.²⁴ Sultan Alauddin Riayat Syah adalah seorang pemerintah yang berkebolehan, sering menjalankan pentadbiran menurut pandangannya sendiri dan sentiasa meminta nasihat Tun Perak sebagai seorang Bendahara yang berpengalaman dalam pentadbiran kerajaan. Soal keamanan dalam negaranya amat dititikberatkan. Baginda pernah menyamar pada waktu malam dan berjaya membunuh tiga orang pencuri. Di antara pembaharuan-pembaharuan yang diperkenalkan ialah membawa lampu jika berjalan pada waktu malam, menjalankan hukuman bunuh kepada perompak-perompak, menjatuhkan hukuman potong tangan bagi yang melakukan kesalahan mencuri dan menyediakan sebuah balai untuk diserahkan segala barang yang dijumpai iaitu yang dipercayai hilang atau tercicir.²⁵


Tun Perak hanya menjadi Bendahara semasa awal pemerintahan Sultan Mahmud Syah. Sultan Mahmud Syah (1488-1528) adalah putera kepada Sultan Alauddin Riayat Syah. *Sejarah Melayu*, telah memberikan tanggapan negatif terhadap baginda. Baginda dianggap sebagai seorang sultan yang tidak pandai menjalankan pentadbiran, sering berfoya-foya, malah penulis Portugis menganggapnya sebagai penagih candu. *Sejarah Melayu* pula menganggapnya

²⁴ Cheah Boon Kheng, (susunan), 1998. Abdul Rahman Haji Ismail merumikan dalam *Sejarah Melayu* MS. Raffles No. 18, MBRAS, Kuala Lumpur, hlm. 197.

²⁵ *Ibid.*, hlm. 197-201.

kejam kerana telah membunuh Raja Zainal iaitu adiknya sendiri kerana Raja Zainal terkenal dengan rupa paras yang kacak. Zaman pemerintahan bagindalah yang telah membawa kepada kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka ke tangan Portugis.

Gambar Rajah 2.4: Menunjukkan Nisan Sultan Alauddin Riayat Syah (1477-1488), Melaka.



Sumber: Dipetik daripada *Malaysia Kita*, 1991. Institut Tadbiran Awam, Kuala Lumpur : Nasional Berhad, hlm. 108.

Perundangan Melaka

Kesultanan Melayu Melaka mempunyai dua buah teks undang-undang tradisional yang mengawali perundangan di Melaka. Teks yang pertama ialah *Hukum Kanun Melaka* dan yang kedua ialah *Undang-undang Laut Melaka*.²⁶

Hukum Kanun Melaka adalah undang-undang yang mengawali pentadbiran kerajaan Melaka. Hal ini telah dibuktikan oleh *Sejarah Melayu* versi tahun 1612 yang menyatakan bahawa Sultan Muzaffar Syah;

...ialah menyuruh membuat undang-undang,
supaya jangan lagi bersalahkan adat segala
hukum menterinya.²⁷

Kemudian kenyataan ini disokong pula oleh *Hukum Kanun Melaka*, dalam Fasal 44.4 yang menerangkan bahawa Sultan Muzaffar Syah dengan dibantu oleh Tun Perak sebagai penasihat sultan yang utama telah mengumpulkan undang-undang yang sedia ada yang diwarisi dari zaman bapanya, iaitu sultan Muhammad Syah,²⁸ lalu membentuk *Hukum Kanun Melaka* yang lebih sistematik.

²⁶ Muhammad Yusoff Hashim, 1990. *Kesultanan Melayu Melaka, Kajian Beberapa Aspek Tentang Melaka Pada Abad Ke-15 Dan Abad Ke-16 Dalam Sejarah Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, hlm. 201.

²⁷ W.G., Shellabear, 1982. *Sejarah Melayu*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, hlm. 88-89.

²⁸ Liaw Yock Fang, 1976. *Undang-undang Melaka*, (The Laws of Melaka), The Hague, hlm. 170.

Gambar Rajah 2. 5: Menunjukkan Halaman dalam Kitab Hukum Kanun Melaka abad ke 15, mengenai hukum-hukum yang dibuat dalam zaman pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka.



Sumber:Dipetik daripada Muhammad Yusof Hashim,1996. *Tun Perak: dalam Sejarah dan Dinamisme Ketamadunan Bangsa*, Batu Berendam Melaka: Institut Kajian Patriotisme, hlm. 21.

Namun demikian *Hukum Kanun Melaka* yang disusun sentiasa diubah suai selaras dengan peredaran zaman. Justeru itu, selaras dengan kedinamikkan dan perubahan kebudayaan yang terjadi sehingga lewat penghujung abad ke-15 M, *Hukum Kanun Melaka* telah banyak mengalami perubahan dan menjalani proses pertumbuhan yang berterusan. Bermula dengan 19 Fasal sahaja, ia bertambah menjadi 44 Fasal dan dikatakan lengkap seperti yang terdapat pada teks *Hukum Kanun Melaka* yang ditemui pada hari ini.²⁹

Kerajaan Melaka yang bergantung sepenuhnya kepada ekonomi dagangan telah membentuk undang-undang yang khusus demi kepentingan ekonomi negeri. *Undang-undang Laut Melaka* dikenali juga sebagai *Adat Pelayaran Melaka*, *Kitab Pelayaran Melaka*, dan *Hukum Undang-undang Laut*.³⁰ Teks ini telah diterjemahkan sebagai *The Maritime Laws of Malacca*.³¹ Ia mengandungi tatacara jual beli di atas kapal, peraturan pelayaran, bidang kuasa nakhoda dan tanggungjawab pelbagai pegawai kapal seperti kiwi, maula kiwi, malim, tukang gantung, juru batu dan serang. Di samping itu terdapat sebuah *long-lost manuscript* yang disebut sebagai *Undang-undang Pebian Melaka* yang mengandungi hal ehwal peraturan dan sistem perkastaman, cukai, tanggungjawab dan bidangkuasa Syahbandar Melaka, serta tatacara jual beli.³²

²⁹ Muhammad Yusoff Hashim, 1990. *Kesultanan Melayu Melaka, Kajian Beberapa Aspek Tentang Melaka Pada Abad Ke-15 Dan Abad Ke-16 Dalam Sejarah Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, hlm. 204.

³⁰ *Ibid.*,hlm. 201.

³¹ R.O. Winstedt & Josselin de Jong, 1956. ‘The Maritime Laws of Malacca’, dalam *JMBRAS*, Jil XXXIX, iii, 1956, hlm 28-49.

³² Muhammad Yusoff Hashim, 1990. *Kesultanan Melayu Melaka, Kajian Beberapa Aspek Tentang Melaka Pada Abad Ke-15 Dan Abad Ke-16 Dalam Sejarah Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, hlm. 202.

Pembesar-pembesar Melaka

Sistem Pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka semakin berkembang dan kompleks selaras dengan kemajuan kerajaannya. Di bawah pemerintahan Sultan terdapat para pembesar dan berbagai-bagai peringkat pegawai yang menyokong kedaulatan sultan yang memerintah telah mengukuhkan lagi sistem pentadbiran Kesultanan Melaka. Kepentingan para pembesar dalam pentadbiran kerajaan adalah amat penting untuk meneguhkan lagi institusi pentadbiran.


Sejarah Melayu ada menyebutkan kalimat ‘Menteri Empat’ dalam Sistem Pembesar Melaka.³³ Siapakah menteri empat ini? Menurut Muhammad Yusoff Hashim, Pembesar Empat ialah Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung dan Laksamana. Beliau tidak memasukkan Syahbandar sebagai Pembesar Empat yang utama kerana di Melaka terdapat beberapa orang Syahbandar yang terdiri daripada orang asing, iaitu persoalan akan timbul adakah rakyat asing dibolehkan menyandang jawatan pembesar utama yang empat dalam tradisi pembesar-pembesar Melaka?³⁴ Dalam buku Tome Pires yang bertajuk *Native Administration*, ada mencatatkan dengan jelas tentang fungsi dan bidangkuasa para pembesar utama Melaka. Beliau menyebut hierarki secara menurun para pembesar tersebut, iaitu Bembara (Bendahara) yang telah dicampuradukkan dengan gelaran *Paduca Raja* (Paduka Raja), *Lasamana* (Laksamana), *Tumungo*

³³ W.G., Shellabear, 1982. *Sejarah Melayu*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, hlm. 80.

³⁴ Muhammad Yusoff Hashim, 1990. *Kesultanan Melayu Melaka, Kajian Beberapa Aspek Tentang Melaka Pada Abad Ke-15 Dan Abad Ke-16 Dalam Sejarah Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, hlm. 149.

(Temenggung) dan *Xabandares* (Syahbandar) yang dilaporkannya seramai empat orang yang menyandangnya.³⁵

Rajah 2. 6: Menunjukkan Carta Organisasi Kerajaan Melayu Melaka



Sumber: Dipetik daripada *Malaysia Kita*, 1991. Institut Tadbiran Awam, Kuala Lumpur: Nasional Berhad, hlm. 127.

³⁵ *Ibid.*, hlm. 149.

Sumber daripada *Undang-undang Melaka* juga nampaknya mengelirukan. Fasal 1 Undang-undang ini menyebutkan bahawa empat pembesar utama ini ialah Bendahara, Temenggung, Penghulu Bendahari, dan Syahbandar.³⁶

Kerajaan Pahang pula yang merupakan warisan Melaka, meletakkan Syahbandar di kalangan Orang Besar Lapan. Iaitu, berdasarkan kepada *Hukum Kanun Pahang*.³⁷

Bendahara adalah orang yang paling penting di dalam Kesultanan Melayu Melaka. Tugas Bendahara adalah sebagai penasihat Sultan dan jawatan ini adalah dilantik oleh Sultan. Salah seorang Bendahara yang terkenal pada zaman Kesultanan Melayu Melaka ialah Tun Perak, yang telah dilantik oleh Sultan Muzaffar Syah dengan gelaran Bendahara Paduka Raja.

Tun Perak dianggap sebagai pentadbir dan Pembangun Empayar negeri Melaka. Beliau telah menjadi Bendahara Melaka selama 42 tahun dan berkhidmat kepada empat orang sultan iaitu Sultan Muzaffar Syah, Sultan Mansur Syah, Sultan Alauddin Riayat Syah serta zaman awal pemerintahan Sultan Mahmud Syah. Beliau merupakan Bendahara yang kelima dan paling terkenal dalam Kerajaan Melaka. Beliau dianggap sebagai tokoh sebenar di sebalik kemantapan Kerajaan Melaka dan digelarkan sebagai pembina empayar Melaka. Beliaulah yang menggerakkan dasar perluasan jajahan, cita-cita kebangsaan dan dasar luar empayar Melaka dengan licin dan bijaksana. Pada tahun 1445, Tun Perak

³⁶ Liaw Yock Fang, 1976. *Undang-undang Melaka*, (The Laws of Melaka), The Hague, hlm. 62

³⁷ Lihat J.E. Kempe & R.O. Winstedt (ed), A Malay Legal Digest Compiled For A-Ghafur Muhaiyudin Shah Sultan of Pahang 1592-1614A.D.with undated addition, dalam *JMBRAS*, VO.XXI, pt.1,1949, hlm. 25-26. Nampaknya Syahbandar Pahang ditempatkan di kalangan Orang Besar Lapan.

menempa sejarah Melaka dengan mengalahkan tentera Siam yang amat ditakuti sebelum itu.

Dengan jasanya itu beliau telah dilantik oleh Sultan Melaka menjadi Bentara iaitu orang yang membawa perintah-perintah sultan dan akhirnya dinaikkan lagi pangkatnya menjadi Perdana Menteri bergelar Paduka Raja yang mempunyai kedudukan setaraf dengan Bendahara. Di atas nasihat Sultan, Bendahara Seri Nara Diraja Tun Ali sanggup turun dari jawatannya. Jasa-jasa Tun Perak yang paling terserlah ialah berjaya menghapuskan serangan Siam dan menasihati Sultan Muzaffar Syah agar menghantar utusan damai ke Siam, meluaskan jajahan takluk Melaka ke negeri-negeri Melayu yang lain seperti Pahang, Bengkalis, Kampar, Siak, Aru, Inderagiri, Kedah, Terengganu dan Patani. Malah Tun Perak juga adalah satu-satunya Bendahara Melaka yang menggunakan sepenuh kedudukannya secara langsung untuk mempengaruhi perlantikan sultan-sultan Melaka. Biasanya, sultan-sultan yang dilantik itu mempunyai pertalian darah dengannya seperti Sultan Mansur Syah adalah sepupunya, dan juga Sultan Alauddin Riayat Syah adalah anak saudaranya. Apa yang dilakukan oleh Tun Perak ini sekurang-kurangnya dapat menjamin bahawa tidak akan berlaku perebutan kuasa sesama kerabat diraja seperti mana yang telah berlaku di antara Raja Kassim dengan Raja Ibrahim. Langkah ini turut membantu menstabilkan kedudukan politik empayar Melaka.

Peranan untuk mengembangkan Islam turut dibantu oleh Tun Perak iaitu apabila beliau menasihati Sultan supaya mengahwinkan puteri-puteri Melaka dengan pembesar wilayah-wilayah jajahan. Melalui perkahwinan politik ini, Islam

turut dapat disebarkan. Bendahara Tun Perak meninggal dunia pada tahun 1498. Justeru itu, di atas usaha-usaha kecergasan, keberanian dan kehandalan diplomasi Tun Perak, negeri Melaka menjadi negeri yang paling disegani di Nusantara.

Penghulu Bendahari adalah menteri yang paling kanan selepas jawatan Bendahara. Beliau bertanggungjawab ke atas segala bendahari raja, baik di Melaka mahupun di negeri-negeri naungan Melaka.³⁸ Semua Bendahari yang memungut cukai dan hasil negeri serta semua Syahbandar adalah berada di bawah beliau. Tugas beliau yang lain ialah menyimpan daftar nama raja, iaitu segala hamba yang menguruskan hal-hal istana. Apabila majlis diraja diadakan, maka beliau bertanggungjawab untuk menguruskan segala kelengkapan dalam istana, seperti menyuruh Penghulu Balai untuk menghiasi balai, membentang tikar, menggantung tabir dan langit-langit. Beliau juga menguruskan makanan dan menjemput tetamu. Tugas yang lain Penghulu Bendahari ialah memegang kepala usungan di sebelah kanan apabila Sultan berangkat pada hari raya. Gelaran Penghulu Bendahari ialah Seri Nara Aldiraja. Di dalam Kesultanan Melayu Melaka, tugas ini telah dipegang oleh keluarga yang turun temurun, iaitu Tun Ali yang berketurunan India. Selepas itu anaknya Tun Tahir yang memegang jawatan ini. Akhirnya jawatan ini juga dipegang oleh Tun Hamzah yang merupakan anak kepada Tun Tahir.³⁹

³⁸ Muhammad Yusoff Hashim, 1990. *Kesultanan Melayu Melaka, Kajian Beberapa Aspek Tentang Melaka Pada Abad Ke-15 Dan Abad Ke-16 Dalam Sejarah Malaysia*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, hlm. 285.

³⁹ Untuk lebih jelas sila lihat, Cheah Boon Kheng, (susunan), 1998. Abdul Rahman Haji Ismail merumikkan dalam *Sejarah Melayu MS. Raffles No.18, MBRAS*, Kuala Lumpur.

Temenggung ialah jawatan terkanan selepas Penghulu Bendahari. Beliau bertanggungjawab melaksanakan undang-undang dan peraturan negeri terutama mengenai aspek keselamatan.⁴⁰ Tugas beliau ialah menangkap orang yang bersalah, memasung dan menghukum mereka. Segala perkara yang berkaitan dengan pertahanan adalah tugas Temenggung untuk melakukannya iaitu seperti membina kota dan parit. Di dalam majlis istiadat istana, beliau bertugas sebagai ketua protokol. Beliau mengatur tempat duduk para pembesar negeri mengikut pangkat masing-masing. Apabila Sultan berangkat menaiki gajah, Temenggung akan mengepalai gajah. Menjelang bulan Ramadhan pula iaitu malam yang kedua puluh tujuh, sejадah Sultan akan diarak ke Masjid. Perarakan itu diketuai oleh Temenggung. Gelaran Temenggung ialah Seri Maharaja. Di dalam Kesultanan Melayu Melaka Tun Mutahir memegang jawatan Temenggung dan setelah menjawat jawatan Bendahara, anaknya Tun Hassan pula mengantikannya. Setelah keluarga Bendahara Tun Mutahir dibunuh, Tun Mai Ulat Bulu pula menjawat jawatan ini, beliau ialah cucu kepada Tun Perak. Beliau meninggal dunia semasa berperang mempertahankan Melaka daripada serangan Portugis.⁴¹

Laksamana ialah satu jawatan dan gelaran sekaligus. Hang Tuah adalah orang yang pertama memegang jawatan Laksamana. Beliau adalah hulubalang yang terhandal dan tidak ada tandingannya. Malah dikatakan sebagai seorang yang amat taat kepada Sultan Melaka. Laksamana Hang Tuah turut bersama

⁴⁰ *Ibid.*, hlm. 286.

⁴¹ Untuk lebih jelas sila lihat, Cheah Boon Kheng, (susunan), 1998. Abdul Rahman Haji Ismail merumikkan dalam *Sejarah Melayu* MS. Raffles No. 18, MBRAS, Kuala Lumpur.

Bendahara menyerang Pahang dengan dua ratus buah kapal yang besar dan kecil. Kehebatannya terserlah apabila berjaya menewaskan musuh seorang diri di laut apabila Keraing Semerluki dari Makasar datang merompak di Selat Melaka. Sejak itu tugas utama Laksamana ialah meronda Selat Melaka dan perairan Melaka yang semakin luas. Dalam istiadat rasmi istana, Laksamana akan bergilir dengan Hulubalang Besar memikul pedang kerajaan dan berada dibuntut gajah sambil memikul pedang kerajaan sewaktu Sultan menaiki gajah. Wilayah pegangan Laksamana ialah Sungai Raya. Laksamana adalah orang yang bertanggungjawab memelihara keselamatan para pedagang, para penyebar agama dan menjaga ketenteraman Empayar Melaka.⁴²

Syahbandar adalah merupakan orang yang penting dalam pengurusan pelabuhan Melaka. Oleh kerana Melaka merupakan pusat perdagangan yang besar, maka Melaka telah memperuntukkan seramai empat orang syahbandar.⁴³ Syahbandar adalah orang yang penting menguruskan pelabuhan Melaka. Syahbandar akan berbincang dengan nakhoda kapal, membawa berjumpa Bendahara Tun Perak atau Sultan, memberikan sebuah gudang kepada para pedagang dan menguruskan cukai kastam. Seorang Syahbandar ditugaskan untuk menjaga pedagang Gujerat, seorang untuk pedagang dari Kalinga, Benggala, Pegu dan Pasai, seorang untuk pedagang Jawa, Maluku, Banda, Palembang, Tanjung

⁴² Untuk lebih jelas sila lihat, Cheah Boon Kheng, (susunan), 1998. Abdul Rahman Haji Ismail merumikkan dalam *Sejarah Melayu MS. Raffles No.18, MBRAS, Kuala Lumpur.*

⁴³ *Ibid.*, hlm. 287-288.

Pura dan pulau-pulau Selatan dan seorang untuk pedagang dari China, Formosa dan Champa.

Hulubalang Besar adalah nama jawatan sebelum Melaka menjadi sebuah empayar. Beliau adalah ketua segala hulubalang di Melaka dan jawatan ini telah disandang oleh Tun Hamzah, ‘Datuk Bongkok’. Gelaran bagi jawatan ini ialah Tun Bijaya Diraja. Tun Hamzah adalah orang yang paling lama menyandang jawatan ini di dalam Kesultanan Melayu Melaka. Beliau turut menyerang Pahang dan Aru. Di balairung raja, Hulubalang Besar berdiri memegang pedang kerajaan bergilir-gilir dengan Laksamana. Hulubalang Besar yang kedua ialah Tun Tempurung Gemerentak, dan yang ketiga dan terakhir ialah Tun Kerutup. Wilayah pegangan keluarga ini ialah Singapura.⁴⁴

Panglima dan hulubalang Kesultanan Melayu Melaka adalah merupakan golongan tentera di dalam Kesultanan Melayu Melaka. Bagi ketua sesebuah pasukan yang besar, mereka diberi gelaran ‘Sang’. *Sejarah Melayu* ada menyebut bahawa Sang Setia yang memegang Wilayah Bentayan di Kuala Sungai Muar adalah timbalan kepada Laksamana. Manakala, gelaran ‘Hang’ pula adalah diberikan kepada Laksamana Hang Tuah dan empat orang sahabatnya. Tugas Laksamana ialah menjadi pengawal peribadi Sultan dan mengetuai angkatan laut Melaka. Bagi tentera Melaka yang handal pula telah diberikan gelaran raja seperti Raja Indera Pahlawan dan Raja Dewa Pahlawan.

⁴⁴ Untuk lebih jelas sila lihat, Cheah Boon Kheng, (susunan), 1998. Abdul Rahman Haji Ismail merumikkan dalam *Sejarah Melayu* MS. Raffles No.18, MBRAS, Kuala Lumpur.

Perluasan Jajahan Takluk

Tun Perak adalah orang yang bertanggungjawab dalam merangka dasar perluasan jajahan takluk Melaka. Kerajaan Melayu Melaka telah menjalankan dasar perluasan kuasa dengan menakluk negeri-negeri Melayu dan Sumatera. Semasa zaman Sultan Muzaffar Syah memerintah, baginda telah berjaya menakluki Dinding, Selangor, Singapura dan Bentan. Sultan Mansur Syah pula telah menakluk Bernam dan Perak serta Pahang. Manakala Sultan Alauddin Riayat Syah telah memperluaskan lagi empayar dengan menakluki Kepulauan Riau Lingga di Selatan Selat Melaka. Sultan Mahmud Syah pula telah menakluk Manjung dan Kelantan. Malah terdapat juga negeri-negeri yang datang ke Melaka untuk memohon nobat lalu menganggap Melaka sebagai tuan. Terdapat juga negeri-negeri yang telah dianugerah atau telah dihadiahkan contohnya Majapahit telah menghadiahkan beberapa buah negeri jajahan takluknya sebagai tanda kasih sayang kerana mengahwini puterinya iaitu Raden Galoh Cendera Kirana. Negeri-negeri naungan dan taklukkan Melaka ini mendapat manfaat daripada Melaka seperti menjadikan peluang perdagangan semakin luas iaitu barang dagangan tempatan dapat dipasarkan di Melaka. Keadaan ini menjadikan ekonomi negeri semakin teguh dan sekaligus dapat meningkatkan taraf hidup rakyat jelata. Pengetahuan yang luas mengenai perdagangan dapat dipelajari daripada pedagang asing seperti China dan India serta banyak lagi. Malah pengajian agama Islam juga dapat dipelajari dengan mudah.

Dasar Luar dan Hubungan Diplomatik

Tun Perak sebagai Bendahara Paduka Raja adalah merupakan orang yang bertanggungjawab dalam merangka dasar luar kerajaan Melaka. Beliau merupakan pengendali diplomatik yang hebat sehingga Melaka berjaya menjalinkan hubungan dengan negara-negara lain di seluruh dunia. Untuk memastikan hubungannya dengan negara lain adalah baik dan berjalan lancar, Kerajaan Melayu Melaka telah mengamalkan dasar luarnya yang tersendiri. Melaka telah menjalankan hubungan diplomatik dengan negara-negara seperti China, Jepun, Siam, Turki, India, dan banyak lagi.

Kesultanan Melayu Melaka juga telah menjalinkan hubungan dengan negara-negara luar yang bertujuan mengukuhkan dan memantapkan lagi Kesultanan Melayu Melaka. Hubungan Melaka dengan Jepun (Pulau-pulau Ryukyu) adalah amat baik di antara tahun-tahun 1460-an sehingga 1480-an bahkan sehingga tahun 1511, Rukyu masih mengutus surat ke Melaka. Pada zaman Sultan Mansur Syah, salah seorang utusan yang telah dihantar ke Melaka iaitu pada tahun 1470 telah melanggar undang-undang di Melaka. Keadaan ini menyebabkan Melaka telah menghantar utusan ke Ryukyu untuk memaklumkan hal ini dan meminta utusan-utusan yang akan dihantar ke Melaka adalah orang yang berwibawa dan tidak akan menyusahkan kerajaan Melaka demi kepentingan bersama. Setelah Raja Ryukyu menerima utusan Melaka, maka baginda telah menjawab surat itu dengan menyatakan sekiranya utusan-utusan yang dihantar ke Melaka melakukan kesalahan melanggar undang-undang, baginda telah meminta

supaya melaporkan kepadanya untuk diambil tindakan bagi memastikan hubungan tali persahabatan akan kekal abadi.⁴⁵ Perhubungan ini adalah melambangkan bahawa Ryukyu menghormati dan mengiktiraf serta menyanjung kedaulatan Kesultanan Melayu Melaka.

Semua perutusan dan persuratan yang dihantar ke negara-negara luar adalah ditulis dalam Bahasa Melayu. Duta-duta yang dihantar ke negara-negara luar adalah orang yang mahir bahasa negara tersebut. Keadaan ini menunjukkan bahasa Melayu telah didaulatkan di negeri-negeri yang berhubung dengan Melaka.⁴⁶

Pusat Perdagangan di Asia Tenggara

Sebagai seorang Bendahara yang berkarisma dan berpandangan jauh, Tun Perak telah memperkembang dan mengukuhkan ekonomi dagangan di Melaka. Perdagangan yang dijalankan di Melaka adalah tunggak ekonomi yang penting bagi Melaka. Malah ia boleh diibaratkan sebagai darah daging Melaka kerana tanpa perdagangan, Melaka tidak akan berjaya muncul sebagai sebuah empayar. Melaka telah menjadi pusat pengumpulan rempah ratus dari Kepulauan Maluku dan pusat penyebaran barang dagangan kepada pedagang-pedagang dari China dan India di rantau Asia Tenggara. Selat Melaka adalah merupakan laluan perdagangan yang penting kepada semua pedagang di dunia. Malah permulaan

⁴⁵ Lihat A. Kobata & M. Matsuda, 1969. *Ryukyuan Relations With Korean and South Sea Countries*, Kawakita Printing, Kyoto.

⁴⁶ *Malaysia Kita*, 1991. Institut Tadbiran Awam, Kuala Lumpur : Nasional Berhad, hlm. 139.

tiupan angin monsun dan penghujungnya juga merupakan kelebihan bagi Melaka sebagai sebuah pusat perdagangan di Asia Tenggara.⁴⁷

Justeru itu Kerajaan Melayu Melaka dalam abad ke-15 telah menjadi sebuah kerajaan yang gemilang dan agung di Asia Tenggara dan terkenal sebagai pusat ‘*entreport*’ di seluruh dunia pada masa itu. Menurut Tome Pires, di dalam *Suma Oriental*:

Manusia tidak dapat menaksirkan nilai Melaka,
kerana kebesaran dan keberuntungan. Melaka
adalah sebuah bandaraya yang dibangunkan
untuk perdagangan, nyata lebih berupaya
daripada yang lain di dunia.⁴⁸

Barang dagangan yang dikumpulkan di Melaka ialah buah pala dari Banda, bunga cengkoh dari Maluku, dan kayu cendana dari Timur.⁴⁹ Manakala Melaka juga bertindak sebagai pusat penyebaran barang dagangan dari Gujerat, Koromandel, Malabar dan Benggala yang terkenal dengan pelbagai jenis kain. Para pedagang India ini akan membawa barang dari Kepulauan Melayu yang terdiri daripada buah pala, bunga cengkoh, kapur barus, kayu cendana, kayu gaharu, kemenyan, kasturi, mutiara, batik, hamparan, keris Jawa, dan bulu

⁴⁷ Untuk lebih jelas sila lihat, Cheah Boon Kheng, (susunan), 1998. Abdul Rahman Haji Ismail merumikkan dalam *Sejarah Melayu MS. Raffles No.18, MBRAS*, Kuala Lumpur.

⁴⁸ Armando Cartesao, (ed), 1944. *The Suma Oriental of Tome Pires: An Account of the East, from the Red Sea to Japan, Written in Malacca and India in 1512-1515*. London: Hakluyt Society, hlm. 286.

⁴⁹ D.G.E., Hall 1987. *Sejarah Asia Tenggara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, hlm. 258.

burung. Timah pula boleh didapati dari Semenanjung. Manakala pedagang dari negara China pula membawa kain broked, teh, sutera, satin, mutiara, kapur, tawas, sendawa, belerang, barang tembaga, besi, wang-i-wangian, ubat-ubatan, gading, manik merah, batu jed, dan kayu arang. Pedagang Siam pula membawa embalau, atau lakri, kemenyan, kayu sepang, gading, barang tembaga, batu permata, berbagai jenis logam dan kain tenunan Siam. Pedagang dari Myanmar pula membawa beras, makanan, wang-i-wangian, perak dan batu delima. Palembang pula membawa hamba abdi untuk ditukar dengan kain dari India.

Melaka menjalankan urusan menjual beli barang dengan menggunakan dua cara iaitu pertama dengan menggunakan cara penukaran barang dan kedua dengan cara menggunakan mata wang. Wang yang digunakan adalah daripada wang logam yang diperbuat daripada timah. Pada kepingan timah itu terdapat nama Sultan Melaka yang memerintah. Terdapat juga kepingan wang emas dan perak yang digunakan oleh pedagang dari Pedir dan Pasai.⁵⁰

Sistem dan Pentadbiran Pelabuhan di Melaka adalah diuruskan oleh empat orang Syahbandar. Para pedagang dari Gujerat disediakan seorang Syahbandar, India, Benggala, Burma dan Pasai seorang Syahbandar, Jawa, Maluku, Bandar, Palembang, Kalimantan, dan Filipina seorang Syahbandar. China, Campa, Siam dan Kepulauan Ryukyu seorang Syahbandar. Apabila kapal masuk ke pelabuhan Melaka, nakhoda kapal akan melaporkan diri kepada syahbandar. Selepas itu para pedagang akan dibawa mengadap Sultan atau para pembesar dengan membawa

⁵⁰ Untuk lebih jelas sila lihat, Cheah Boon Kheng, (*susunan*), 1998. Abdul Rahman Haji Ismail merumikkan dalam *Sejarah Melayu* MS. Raffles No.18, MBRAS, Kuala Lumpur.

hadiyah-hadiyah, dan barulah diberikan sebuah gudang untuk menyimpan barang dagangannya. Sebelum berdagang, para pedagang akan dikenakan cukai kastam ke atas barang dagangannya. Selepas itu barulah saudagar-saudagar Melaka membeli barang itu dan menjualnya di jambatan-jambatan dan di warung-warung. Sistem pentadbiran pelabuhan yang cekap daripada pelbagai aspek terutama keselamatan para pedagang dan kemudahan yang lengkap telah menyebabkan para pedagang merasa selamat menjalankan perniagaan di Melaka.

Pengurusan perkapalan yang baik telah dijalankan di Melaka untuk memastikan proses perdagangan di Melaka berjalan dengan lancar. Oleh sebab itu pihak pentadbir dan para nakhoda kapal telah menetapkan peraturan-peraturan di laut agar terkawal. Peraturan-peraturan itu adalah dinamakan *Undang-undang Laut Melaka*. Di dalamnya terdapat 25 fasal yang menggariskan peraturan perkapalan, gelaran para pegawai, dan tugas-tugas serta bidang kuasa masing-masing, iaitu daripada tingkat tertinggi sehingga ke tingkat yang paling bawah. Di dalam kapal, nakhoda berkuasa penuh, sama ada kapal itu kepunyaannya atau milik orang lain. *Undang-undang Laut Melaka* telah lengkap dengan segala peraturan semasa di dalam kapal, baik tanggungjawab para pegawai, anak kapal serta penumpang.

Pusat Penyebaran Agama Islam


Kerajaan Melaka adalah merupakan sebuah pusat penyebaran Islam di Asia Tenggara. Ini adalah kerana terdapat ramai ulama-ulama yang bertumpu ke

Melaka. Golongan ulama di dalam Kesultanan Melayu Melaka ialah mereka yang terdiri daripada pendakwah-pendakwah Islam. Kegiatan keilmuan yang dijalankan oleh mereka ialah di surau, madrasah, dan masjid. Ulama yang pernah datang ke Melaka ialah Maulana Abu Bakar yang membawa Kitab Darul Manzum, Makhdum Sadar Jahan, dan Maulana Jalaluddin serta lain-lain. Manakala kadi-kadi yang terdapat di Melaka adalah daripada keturunan Saiyid Abdul Aziz. Antara kadi yang penting di Melaka ialah Kadi Yusuf dan anaknya Kadi Munawar. Kesan daripada pengaruh mereka ini, pengajian tasawwuf telah meningkat di Melaka. Sehingga Sultan Mansur Syah telah menghantar utusan mengenai permasalahan agama ke Pasai. Malah kesan pengajian Islam di Melaka turut mempengaruhi *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang-undang Laut Melaka*.

Melaka telah menjadi pusat penyebaran agama Islam di rantau Asia Tenggara. Kedudukan Melaka sebagai pusat keilmuan amat berkait rapat dengan usaha dan minat pemerintah Melaka terhadap kegiatan tersebut. Pertumbuhan dan perkembangan ilmu pengetahuan bercorak keagamaan mempunyai pertalian yang amat rapat dengan kehadiran para ulama dari luar negara. Pemerintah Melaka sendiri amat menghormati dan memberi layanan yang baik kepada golongan ulama atau ahli tasawwuf dan menggalakkan pembesar serta rakyat Melaka untuk berguru dengan ulama-ulama. Misalnya Sultan Mansur Syah berguru dengan Maulana Abu Bakar dan Sultan Mahmud Syah berguru dengan Kadi Yusuf. Sultan-sultan Melaka sendiri menitikberatkan soal-soal penyebaran Islam. Ada yang pernah menghantar pendakwah Islam ke wilayah jajahannya. Sultan Mansur Syah misalnya pernah menghantar pendakwah Islam ke daerah Sungai Kampar di

Minangkabau Timur. Melaka muncul sebagai sebuah negara penakluk di Nusantara pada zaman Sultan Mansur Syah dan Bendahara Tun Perak adalah tokoh sebenarnya yang merangka gerakan dan dasar imperialisme Melaka di Tanah Melayu dan Sumatera. Melalui cara ini Islam turut tersebar ke wilayah-wilayah yang lain. Biasanya pemerintah yang ditakluki itu sendiri cenderung untuk memeluk agama Islam di atas pelbagai alasan seperti untuk keselamatan nyawa, ingin mendapatkan pangkat dan ingin mengambil hati Sultan Melaka.

Peta 2.2 : Menunjukkan Empayar Kerajaan Melaka



Sumber: Dipetik daripada Muhammad Yusof Hashim, 1996. *Tun Perak: dalam Sejarah dan Dinamisme Ketamadunan Bangsa*, Batu Berendam Melaka: Institut Kajian Patriotisme, hlm. 8.

Kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka

Kesultanan Melayu Melaka mencapai zaman kegemilangannya semasa Bendahara Tun Perak menjadi pengurus pentadbir kepada empat orang sultan. Kematian Bendahara Paduka Raja pada tahun 1498 pula telah menjelaskan kemantapan pentadbiran Empayar Melaka. Sebenarnya beliaulah yang bertanggungjawab memakmurkan Melaka dan menjadikannya sebagai sebuah Empayar. Selepas kematian tokoh besar ini, Melaka telah mengalami zaman kejatuhan. Pengganti beliau seperti Tun Putih, Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir dan Paduka Tuan tidak mampu meneruskan kehebatan pimpinan Tun Perak.

Kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka akhirnya malap juga apabila kejatuhan Melaka adalah disebabkan oleh beberapa faktor dalaman dan faktor luaran. Sultan Mahmud Syah yang memerintah Melaka adalah seorang sultan yang lemah dalam pemerintahan. Baginda adalah seorang sultan yang zalim, suka berfoya-foya dan berpeleseran, tidak adil, tidak bertimbang rasa dan alpa dengan ilmu agama sehingga mengabaikan pentadbiran. Baginda tidak mampu untuk menguasai pembesar-pembesarnya sendiri.⁵¹

Faktor yang paling utama ialah pengganti-pengganti Bendahara Tun Perak adalah tidak sehebat beliau. Adiknya, Bendahara Putih adalah orang yang

⁵¹ Untuk lebih jelas sila lihat, Cheah Boon Kheng, (susunan), 1998. Abdul Rahman Haji Ismail merumikkan dalam *Sejarah Melayu* MS. Raffles No.18, MBRAS, Kuala Lumpur.

boros, begitu juga dengan Bendahara Tun Mutahir yang lebih mementingkan kekayaan dirinya sahaja. Permusuhan dan perpecahan mula timbul di kalangan pembesar-pembesar Melaka. Para pembesar pula tidak bersatu hati dan berpecah belah kepada beberapa puak seperti puak Melayu, puak India Muslim, puak tua yang diketuai oleh Sultan Mahmud Syah dan juga puak muda yang diketuai oleh Raja Ahmad Syah. Kemuncak permusuhan ini ialah apabila Bendahara Tun Mutahir telah difitnah cuba merampas kuasa Sultan Melaka. Persengketaan di antara Sultan Melaka dengan Bendaharanya merupakan satu bencana besar kepada negara. Sultan Mahmud Syah memang tidak pernah senang, malah sentiasa cemburu dengan kedudukan dan pengaruh bendaharanya yang sentiasa popular terutama di kalangan saudagar-saudagar. Konflik di antara seorang Sultan dengan Bendaharanya sudah pasti menggoncangkan kestabilan negara.

Lantaran itu, kemuncak konflik ini ialah apabila Sultan Mahmud Syah menerima segala fitnah yang dilemparkan ke atas Bendaharanya lalu menghukum bunuh Bendahara Tun Mutahir berserta seluruh keluarganya kecuali Tun Hamzah yang masih kecil dan Tun Fatimah yang digilainya. Peristiwa kejam ini berlaku pada tahun 1510 semasa tentera Portugis telah pun berada di perairan Melaka. Kegopohan Sultan Mahmud Syah membunuh Bendaharanya pada saat-saat serangan Portugis amat merugikan dan membahayakan Melaka. Kegopohnya terpamer sekali lagi apabila beliau telah melantik Tun Mat Paduka Tuan yang tepok dan uzur untuk menjadi Bendahara baru Melaka. Bendahara Paduka Tuan juga digelarkan Bendahara Tepok atau Bendahara Lubuk Batu adalah kerabat Tun Perak. Oleh kerana beliau sangat tua, lumpuh dan tidak mempunyai gigi lagi dan

hanya menjadi Bendahara di atas desakan Sultan, sudah pastilah beliau tidak mampu untuk merangka strategi menghadapi tentera Portugis dengan cemerlang seperti kecemerlangan Tun Perak menghadapi tentera Siam dahulu. Perpecahan pimpinan golongan atasan inilah yang telah melemahkan jentera pentadbiran dan keutuhan politik negeri Melaka.

Bagi pihak pertahanan pula, angkatan ketenteraan laut Melaka juga adalah lemah. Pada ketika ini, tidak ada lagi pengganti tokoh-tokoh yang handal seperti Hang Tuah dan Tun Hamzah Datuk Bongkok. Semangat untuk mempertahankan Melaka juga kurang kerana negeri-negeri jajahan Melaka tidak membantu Melaka menentang serangan Portugis, semangat cintakan negara juga tidak kuat kerana tentera Melaka terdiri daripada pelbagai kaum. Malah untuk menaikkan semangat, Sultan telah menyarankan agar tentera Melaka membaca *Hikayat Muhammad Ali Hanafiah* dan *Hikayat Amer Hamzah*. Kerajaan Melaka tidak mempunyai ikatan yang teguh dengan negeri-negeri naungan seperti Pahang dan Siak yang sentiasa ada pertelingkahan dengan Melaka. Keadaan ini bermakna ketaatan dan kesetiaan yang longgar menyebabkan Melaka tidak mempunyai satu ikatan unit politik yang teguh.

Jika dilihat dengan teliti, kejayaan dan kegemilangan perdagangan di Pelabuhan Melaka adalah dikuasai sepenuhnya oleh pedagang-pedagang asing dan bukannya penduduk tempatan. Justeru itu, semangat kenegerian tidak wujud dalam diri mereka untuk mempertahankan Melaka daripada diserang musuh.

Oleh kerana kemakmuran Melaka bergantung kepada kemakmuran pelabuhannya, maka kemerosotan ekonomi membawa kepada kemerotan kuasa

Melaka. Kemerosotan ekonomi berlaku apabila para pedagang telah mencari pelabuhan-pelabuhan yang lain untuk berdagang kerana cukai yang tinggi dikenakan oleh para pembesar. Mereka telah mengalih perhatian ke pelabuhan Aceh, Bantam, Patani dan Brunei.

Bukan itu sahaja, malah faktor ketidaksetiaan para pedagang juga membawa kepada kejatuhan Melaka. Ada juga para pedagang luar secara sulit telah membantu pihak Portugis seperti Jawa, Gujerat dan China yang membuktikan bangsa asing tidak bekerjasama dengan Melaka menghadapi serangan Portugis. Semasa serangan Portugis ke atas Melaka, pedagang China turut serta melanggar jambatan Sungai Melaka, terutama mereka yang pernah dianiaya dan tidak mendapat ganjaran daripada pembesar. Sememangnya sukar untuk menuntut kesetiaan yang tidak berbelah bahagi daripada orang-orang asing ini. Mereka adalah golongan oportunist yang lebih mementingkan keselamatan nyawa dan perniagaan daripada keselamatan dan kedaulatan Melaka. Seorang pengimpor utama beras di Melaka bernama Utimuti Raja misalnya telah memberikan hadiah-hadiah kepada Portugis di samping menjanjikan bantuan-bantuan sulit. Pedagang-pedagang China pula telah membekalkan lima buah tongkang untuk membantu Portugis menguasai jambatan Melaka yang strategik kedudukannya. Golongan pedagang asing ini juga sedar bahawa Melaka tidak mempunyai bekalan makanan tempatan malah terpaksa bergantung kepada bekalan makanan dari luar negeri. Oleh itu mereka juga memberi cadangan supaya Portugis melemahkan kekuatan tentera Melaka dengan menyekat bekalan makanan dari Pasai dan Jawa. Manakala pedagang Tamil iaitu Neina Chetu

memberikan maklumat tentang kekuatan pertahanan Melaka. Pertolongan pedagang-pedagang asing ini banyak membantu kemenangan tentera Portugis ke atas Melaka.

Keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa kekuasaan dan kegemilangan Melaka itu tidak kekal lama kerana merebaknya beberapa penyakit sosial yang telah melanggar konsep daulat dan derhaka. Konsep daulat itu tidak begitu ditekankan sehingga penderhakaan kian bertambah. Golongan pembesar pula bersengketa sesama mereka sehingga berlakunya pembunuhan ke atas pembesar-pembesar yang tidak berdosa. Keadaan bertambah runcing dengan adanya amalan rasuah serta pemerasan pihak kerajaan ke atas pedagang dan saudagar asing. Penyakit-penyakit itu menjadi semakin tidak terkawal kerana Sultan yang memerintah adalah seorang raja yang lemah dan mementingkan hawa nafsu. Tidaklah keterlaluan jika dikatakan bahawa sosiopolitik Melaka ketika berlakunya serangan Portugis sedang menuju keruntuhan. Serangan kuasa Portugis itu cuma menyempurnakan kejatuhan sebuah empayar Melayu Melaka.

Akhirnya Kesultanan Melayu Melaka telah jatuh ke tangan pihak Portugis pada 24 Ogos 1511. Kelemahan dan kejatuhan kerajaan Melaka yang gemilang itu pada asasnya adalah berpunca daripada kelemahan pentadbiran dan kepimpinan. Sememangnya sesebuah kerajaan yang besar tidak akan mampu mengekalkan kestabilan sekiranya mempunyai pemerintah yang cuai, lemah dan zalim. Kesemua unsur kelemahan pemerintah, persengketaan pembesar-pembesar dan kemerosotan ekonomi memberi peluang yang terbaik bagi Portugis untuk mencabar Melaka. Kejatuhan Empayar Melaka telah menyebabkan rantau ini

kehilangan sebuah Empayar Melayu yang unggul kerana selepas kejatuhan Melaka, tidak ada lagi kerajaan yang mewarisi kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka.

Selepas kejatuhan Melaka, Kesultanan Melayu tidak menampakkan keupayaan mereka untuk membina sebuah empayar perdagangan seteguh itu. Sultan Muzaffar Syah II, cucu Sultan Mahmud Syah, yang bertapak di Seluyud Johor, hanya berdaya mewujudkan sebuah daerah dagang yang cuma dinyatakan terdapat pasar di sepanjang sungai dari Kuala Seluyud sehingga Padang Riangan.⁵² Segala kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka tidak dapat diulang lagi. Dengan itu kepentingan Tun Perak sebagai pendokong Kesultanan Melayu Melaka bersama-sama dengan kebijaksanaan Sultan-sultan Melaka tidak dapat ditandingi oleh kerajaan-kerajaan Melayu selepas Melaka.

⁵² W.G., Shellabear, 1982. *Sejarah Melayu*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, hlm. 232.